

EUKY BEAR EUCALYPTUS OIL BP

Eucalyptus Oil (100%)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Euky Bear Eucalyptus Oil
2. Bagaimana Euky Bear Eucalyptus Oil berfungsi
3. Sebelum menggunakan Euky Bear Eucalyptus Oil
4. Cara menggunakan Euky Bear Eucalyptus Oil
5. Semasa menggunakan Euky Bear Eucalyptus Oil
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Euky Bear Eucalyptus Oil
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemas kini RiMUP

Apakah kegunaan Euky Bear Eucalyptus Oil

1. Sebagai sedutan: melegakan simptom selsema.
2. Sebagai sapuan: melegakan sakit otot, sakit terseliuh dan ketegangan otot.

Bagaimana Euky Bear Eucalyptus Oil berfungsi

Ubat ini mengandungi eucalyptus oil yang boleh melegakan hidung tersumbat dan batuk. Sapu pada kulit pula akan meredakan rasa sakit dan radang otot.

Sebelum menggunakan Euky Bear Eucalyptus Oil

- Bila tidak boleh menggunakan

- Jangan gunakan ubat ini jika:
- anda mempunyai alahan terhadap eucalyptus oil.

- Sebelum menggunakan Euky Bear Eucalyptus Oil

Mengandung dan menyusukan anak

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi jika anda mengandung, merancang untuk mengandung atau sedang menyusukan anak sebelum menggunakan sebarang ubat.

- Jika menggunakan ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan Euky Bear Eucalyptus Oil

- Berapa banyak harus digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

Untuk sedutan: tambahkan 15-20 titis minyak ke dalam mangkuk berisis air panas dan sedut wap air, atau taburkan beberapa titis pada sapu tangan dan sedut.

Untuk kegunaan topikal: urut minyak perlahan-lahan ke bahagian berkenaan sehingga berasa hangat. Ulangi beberapa kali sehari sehingga rasa sakit dan bengkak hilang.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu menggunakan

Gunakan Euky Bear Eucalyptus Oil mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda

- Jika anda terlupa menggunakan

Sapukan dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan teruskan menyapu ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan sapukan dos berganda untuk mengantikan dos yang tertinggal.

- Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan kecemasan hospital terdekat, jika dos berlebihan telah digunakan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan

keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera. Penggunaan ubat ini secara berlebihan mungkin akan menyebabkan gejala seperti pening, koordinasi tidak terkawal, kelemahan otot, tiada respons, pucat dan warna kulit kebiruan.

Jika terminum, jangan cuba muntah, minum segelas air.

Semasa menggunakan Euky Bear Eucalyptus Oil

- Perkara yang perlu dilakukan

Maklumkan kepada doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Euky Bear Eucalyptus Oil

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarah oleh doktor anda.

Jangan menggunakan ubat baharu tanpa nasihat daripada doktor atau ahli farmasi

Jangan berikan Euky Bear Eucalyptus Oil kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Elakkan daripada terkena pada muka, mata atau lubang hidung.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Euky Bear Eucalyptus Oil boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers→ Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)]

Pemegang Pendaftaran Produk

Roslind Enterprise (M) Sdn. Bhd.
No. 3, Jalan TPP 10, Taman
Perindustrian Putra, 47130 Puchong,
Selangor, Malaysia

Cara penyimpanan dan pelupusan Euky Bear Eucalyptus Oil

- Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

Simpan di bawah suhu 30 °C.

Jangan sapu ubat ini selepas tarikh luput.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Cecair tidak berwarna atau kuning pucat dengan bau yang menenangkan

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif:

Eucalyptus Oil 100%

- Bahan tidak aktif:

Tiada

- Nombor MAL:

MAL20000872X

Pengilang

Felton Grimwade & Bosisto's Pty. Ltd.
61-81 Clarinda Road, Oakleigh South,
Victoria 3167, Australia

Tarikh kemas kini RiMup

30/06/2023

Nombor Siri

NPRA(R4/1)300623/00058